

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 2/1968**

=====

**PERCANTUMAN DAN PECAHAN SEMPADAN DIBAWAH SEKSYEN
SEKSYEN 147 DAN 135 KANUN TANAH NEGARA**

Permohonan percantuman dibawah seksyen 147 Kanun Tanah Negara yang dibuat oleh tuan tanah dan juga permohonannya untuk pecahan sempadan atas tanah-tanah itu dibawah Seksyen 135 hendaklah ditimbang serentak.

2. Kalau kelulusan diberi, suratan hak milik, qualified, bolehlah didaftarkan atas tanah yang dicantum itu mengikut Seksyen 176(1)(b) (ii). Tetapi suratan hak milik qualified title mahu pun Final Title atas lot-lot yang dipecah itu tidak boleh didaftarkan selagi tanah cantuman itu masih lagi berdaftar di bawah qualified Title mengikut Seksyen 176 (2)(b)

3. Hanya sesudah tanah cantuman itu didaftarkan satu Final Title maka barulah boleh Qualified Title atau lot-lot pecahan itu didaftarkan.

4. Persuratan atas perkara ini antara Pesurohjaya Tanah dan Galian, Selangor dengan Pesurohjaya Tanah Negeri-negeri Tanah Melayu serta nasihat Peguam Negara disertakan untuk maklumat dan panduan tuan.

T.T
(JOHAN BIN MOHD YASSIN)
PESUROHJAYA TANAH DAN GALIAN
SELANGOR

PTG.SEL.0115/SJ.2

KUALA LUMPUR
3HB September 1968